

17/02/2002

`Saya tak sebut nama bekas menteri itu'

SHEIKH Muhammad Hisham Kabbani adalah Pengerusi Majlis Tertinggi Islam di Amerika Syarikat (ISCA), satu daripada pertubuhan Islam terbesar di Amerika Syarikat (AS). Beliau bukan saja tokoh Islam yang dihormati di sana, malah nasihat dan pandangannya mengenai Islam sentiasa diminta oleh Jabatan Keadilan AS dan agensi kerajaan AS yang lain, terutama membabitkan isu keselamatan nasional. Yang terbaru membabitkan tragedi 11 September lalu, di New York, pandangan beliau mengenai kemunculan kumpulan pelampau Islam sama ada di dalam atau luar AS, turut dijadikan asas dalam siasatan pihak berkuasa di sana.

Beliau yang berada di Malaysia dalam siri lawatannya ke Asia Tenggara, turut mencetuskan kontroversi apabila membuat pendedahan mengenai ada bekas menteri kabinet negara ini menyalur dana AS\$10 juta (RM38 juta) kepada sebuah pertubuhan Islam di AS, dan kerana itu nama Malaysia turut dikaitkan dengan kegiatan radikal Islam. Ikuti bicara Muhammad Hisham dengan wartawan Berita Minggu, JAMHARIAH JAAFAR dan ROSNIZA MOHD TAHA, mengenai perkara itu.

DALAM laporan akhbar, Tuan Sheikh mengatakan ada bekas menteri kabinet Malaysia terbabit dalam menyalurkan dana kepada pertubuhan Islam di AS. Tindakan itu kini telah mengaitkan Malaysia dengan gerakan radikal dan pelampau Islam. Boleh tuan beritahu siapa menteri berkenaan dan apa kegiatannya?

Maaf, saya tidak boleh beritahu siapa nama menteri berkenaan. Tetapi perkara ini sudah berlaku beberapa tahun lalu, dan apabila AS melakukan siasatan ia menyusuri sehingga 10, 20 tahun lalu, kerana itu nama Malaysia turut terpalit. Awalnya, bantuan itu mungkin untuk meningkatkan syiar Islam, tetapi selepas masa berlalu pertubuhan terbabit mungkin mempunyai pandangan atau pendirian yang radikal. Jadi, apabila pihak berkuasa AS menyasat, mereka mendapati ia turut membabitkan Malaysia. Tetapi sepanjang pemerhatian, saya dapati Perdana Menteri (PM) anda tidak pernah menyokong pertubuhan seperti ini dan apa yang dilakukan sekarang, terutama ucapannya mengenai Islam menjadikan kami umat Islam di AS amat bangga, kerana sekurang-kurangnya ada seorang Islam yang berani dan lantang.

Apa yang Tuan Sheikh cuba jelaskan ialah mengapa nama Malaysia terbabit dengan rangkaian penganas Islam, bukannya menuduh sesiapa melakukan sebarang kesalahan?

Kami tidak menuduh sesiapa, kerana kami tidak mengetahui niat mereka mengenai apa yang dia lakukan atau tidak melakukan. Bila wang itu diberi, ia mungkin untuk tujuan baik. Tetapi bagaimana ia digunakan selepas itu, kami tidak tahu. Kami juga tidak tahu sama ada wang itu digunakan untuk mengendalikn institusi Islam berkenaan... kerana itu timbul persoalan.

Boleh Tuan Sheikh memberitahu siapa sebenarnya yang terbabit?

Saya tidak fikir saya boleh memberitahu siapa beliau, tetapi apa yang diberitahu kepada saya oleh pengerusi institusi berkenaan sendiri ialah orang itu memberi sumbangan AS\$10 juta.

Apakah nama institusi berkenaan?

Saya lebih suka untuk tidak mendedahkan namanya.

Berapa banyak institusi yang didermakan oleh ahli politik berkenaan?

Institusi berkenaan adalah satu-satunya institusi yang mengesahkan kedudukannya kepada saya. Apa yang saya tahu ialah institusi berkenaan mempunyai hubungan yang sungguh baik dengan pertubuhan Islam lain di AS, seperti Institut Sains Islam. Wang itu digunakan untuk menubuhkan

institusi berkenaan, untuk menggerakkannya. Ia adalah sebuah institusi pendidikan di AS.

Bila ahli politik itu memberi wang berkenaan dan ketika Tuan Sheikh diberitahu, adakah institusi itu sedang disiasat oleh kerajaan AS?

Itu saya tidak tahu, tetapi pengerusi institusi itu memberitahu saya perkara itu tiga, empat tahun lalu.

Adakah anda tahu sama ada wang itu datang dari ahli politik itu sendiri atau kerajaan Malaysia?

Saya tidak tahu, saya hanya tahu menurut sumber saya duit itu diberi untuk membangunkan institusi berkenaan.

Tapi tidak lama dulu ada juga pihak yang meminta saya supaya memberi sokongan terhadap isu untuk membebaskan seorang tokoh politik negara ini, tapi saya meminta dia supaya jangan campur tangan dalam politik Malaysia kerana dia bukan rakyat negara ini. Dia tidak tahu apa sebenarnya yang berlaku dan realiti politik Malaysia. Saya juga meminta mereka supaya jangan campur tangan kerana kita adalah orang luar, dan jangan babitkan Muslim lain dalam krisis ini.

Tapi mereka enggan mendengar nasihat saya, sebaliknya mereka kemudian menyebarkan surat membabitkan ahli politik itu daripada pelbagai tempat di AS kerana pemimpin berkenaan mempunyai hubungan baik dengan mereka. Surat yang dipanggil mereka sebagai surat terbuka itu mempunyai isi kandungannya yang sungguh buruk, saya tidak menyukai isi kandungannya. Lalu, saya memanggil mereka dan bertanya mengapa campur tangan dan apa tujuan mereka menyebarkan surat itu. Selain pertubuhan Islam di AS, mereka juga menggunakan orang lain termasuk dari Pakistan. Sehingga hari ini mereka masih mencuba melakukan sesuatu (untuk bekas menteri kabinet terbabit). Kami adalah satu-satu kumpulan yang menentang tindakan itu, sebaliknya mendesak mereka supaya jangan campur tangan hal ehwal politik Malaysia. Kerana itu kami terkejut apabila mereka menjemput PM anda dua tahun lalu dan kemudian menarik kembali jemputan itu pada saat-sat terakhir. Kami sungguh kecewa dengan tindakan itu kerana mereka tidak menghormati seorang pemimpin negara Islam.

Ada kenyataan bahawa hubungan ahli politik berkenaan yang menyebabkan Malaysia dikaitkan dengan kejadian 911.

Saya tidak tahu mengenai perkara itu. Tetapi ada laporan mengatakan sebanyak AS\$21 juta diagihkan kepada pertubuhan bukan kerajaan di Somalia, Sudan dan Malaysia. Tetapi siapa (yang mengeluarkan dana itu) kita tidak tahu, tapi saya yakin ia langsung tidak membabitkan kerajaan Malaysia.

Ada yang melihat kenyataan anda untuk mencetus kontroversi dan dilihat cuba membantu Kerajaan Malaysia. Parti pembangkang di sini akan menuduh anda menjadi PR (pegawai perhubungan awam) untuk membantu meningkatkan semula imej Kerajaan Malaysia.

Saya tidak dibayar. Saya tidak pernah berjumpa PM, Dr Mahathir. Saya datang ke sini sebab saya sukakan negara ini, kerana ini adalah negara Islam. Saya percaya Malaysia adalah teladan baik untuk umat Islam seluruh dunia, ia mempunyai tamadun tinggi terutama dalam bidang teknologi dan pendidikan, malahan ia mampu bersaing dengan Barat apabila mendirikan Menara Berkembar (Petronas). Jadi, saya bukan cuba untuk memberi imej baik kepada PM anda dan saya tidak berselindung di sebalik jubah saya, atau menjadi PR atau menjadi sayap kanan kerajaan atau apa-apa. Kami tidak menerima sebarang sumbangan atau peruntukan dari kerajaan Malaysia, kami tidak mempunyai sebarang motif untuk membantu Malaysia.

Tapi kenapa anda tidak mahu saya menyokong Perdana Menteri anda? Mengapa anda mesti menegaskan apa yang orang lain fikir? Saya di sini menyokong kebenaran, anda tidak mahu saya menyatakan kebenaran? Role model saya dan orang yang saya percaya melakukan kebaikan, adalah orang ini (Dr Mahathir) yang masih terus dipilih sebagai pemerintah. Kalau dia tidak melakukan

perkara yang baik, dia tidak akan ada kerajaan ini. Mengapa dia masih memiliki kerajaan ini, kerana dia telah melakukan yang terbaik untuk Malaysia. Di bawah pemerintahannya, Malaysia tidak pernah dilanda kesusahan (serius). Dia telah berada dalam kerajaan ini selama 20 tahun, dia telah berjaya menangani hampir semua masalah, termasuk krisis kewangan yang serius. Malaysia terus maju dan terus mempunyai wang yang banyak dan kita tidak pernah melihat negara ini pergi meminta sedekah seperti negara lain...mereka tidak pernah meminta bantuan Barat. Malaysia (di bawah pemerintahan Dr Mahathir) terus berdiri teguh dan penuh bermaruah. Jika ada orang terutama dari dalam negara ini sendiri yang ingin mencemuh Dr Mahathir, itu adalah masalah dalaman. Tapi sebagai orang luar saya melihat Dr Mahathir melakukan kebaikan.

Dia adalah seorang yang hebat, dia adalah hero saya. Saya suka melihat cara dia mengendalikan negara ini. Dia amat waras, bijak dan apa yang dilakukan sentiasa memperlihatkan keikhlasannya. Mungkin ada orang tidak suka perkara itu, itu adalah hak mereka, tapi kami hanya mengatakan apa yang benar.

Saya bertanya begitu kerana ada orang berpendapat demikian.

Itu terserah kepada mereka. Ini adalah politik, mereka mempunyai minat dan niat masing-masing.

Apa pendapat anda mengenai Malaysia sekarang terutama selepas kemelut politik dan ekonomi 1997-1999?

Pada saya Malaysia tidak banyak berubah, ia sentiasa makmur dan tidak pernah kita melihat ia menurun. Sebaliknya ia terus melonjak ke atas. Satu menteri pergi, satu menteri datang, Malaysia masih kukuh, ia tidak tergugat disebabkan oleh seorang manusia. Insya-Allah, PM dan menteri kabinetnya sekarang mungkin ada masalah, tetapi mereka sentiasa dapat menanganinya dengan baik. Malaysia, saya harap akan terus menjadi pemimpin kepada negara Islam yang lain.

Malaysia mempunyai masalah apabila membabitkan imejnya sebagai negara Islam. Pada PM kami, Malaysia memang sebuah negara Islam, tetapi pada parti pembangkang, apa yang ada sekarang masih tidak mencukupi. Apa pendapat anda mengenai perkara ini?

Itu saya tidak tahu, anda perlu bertanya parti pembangkang anda mengenai perkara itu.

Pembangkang kami juga menganggap negara ini masih sebuah negara sekular.

Saya tidak fikir Malaysia adalah sebuah negara sekular, sebaliknya ia memang sebuah negara Islam. Saya datang ke sini semua orang berkata 'assalamualaikum', saya pergi ke mana saja saya mendengar azan di masjid, anda boleh bersembahyang dengan bebas, anda boleh pergi haji, anda boleh membuat kebajikan, anda boleh mempraktik apa saja selagi ia tidak bertentangan dengan undang-undang, atau mencetus keganasan atau berfikiran radikal. Malaysia bukan lagi sebuah negara seperti negara Islam, tetapi ia memang sebuah negara Islam. Lebih jauh lagi, ia adalah sebuah negara Islam yang boleh dijadikan role model, kerana ia turut menseimbangkan antara pendidikan, teknologi dan rakyatnya turut faham terhadap keperluan hidup pada alaf baru. Anda membina sebuah kehidupan berasaskan sains dan melahirkan generasi baru yang memahami keperluan hidup pada alaf baru, bersama-sama dengan pendidikan Islam yang sebenar. Jadi dengan itu, mereka tidak akan berasa malu untuk turut bersaing, malahan mereka mampu untuk ke luar negara dan bangga kerana memiliki ilmu yang pada satu aspek memahami apa itu Islam sebenarnya, dan pada satu aspek lain mempunyai pengetahuan mendalam terhadap ilmu sains. Jadi, jika ada pihak yang mahu menukar kehebatan itu, ia adalah satu tindakan yang merugikan umat Islam.

Anda kelihatan amat mengagumi PM saya, tetapi ada orang di sini, malahan di AS sendiri yang tidak sukakan beliau dan menuduh beliau terlalu lama memerintah dan sebagainya. Apa yang membuatkan anda begitu mengaguminya?

Saya sukakan beliau kerana pandangannya yang bernas dan tepat. Dia tidak melakukan kesilapan, mungkin ada yang kecil tetapi secara umum anda perlu melihat bahawa yang positif itu lebih daripada yang negatif. Seperti yang selalu saya katakan, Nabi Muhammad sering menasihatkan umat Islam supaya taat kepada pemerintah mereka, selagi ia membenarkan mereka mengamalkan rukun dan ajaran Islam. Selagi mereka memberi kebebasan kepada anda untuk sembahyang, puasa, mempraktikkan agama, anda tidak mempunyai sebarang alasan untuk menentang pemimpin seperti itu.

Kalau ada berpendapat mereka tidak baik atau ada melakukan kesalahan, berdoalah pada Allah supaya memberi petunjuk, dan kalau mereka baik, berdoalah jugalah pada Allah, bersyukur kepada-Nya kerana memberi anda pemimpin sedemikian. Tetapi jangan mencipta fitnah, kekeliruan atau menumpahkan darah tanpa sebarang alasan yang kukuh. Kerana itu, adalah menjadi tugas kita untuk menasihatkan mereka yang berbuat salah dan berdoa supaya segala-galanya berjalan lancar.

Ada orang menyamakan Dr Mahathir dengan Firaun. Apa pendapat anda? Itu saya tidak tahu.

Adakah pada pandangan anda bahawa Malaysia sebuah negara Islam yang lengkap, atau masih ada ruang untuk diperbaiki kerana ada yang mendakwa kita masih tidak sempurna tanpa undang-undang Islam sebenar seperti hudud?

Saya tidak faham apabila kita terus memperkatakan sama ada Malaysia ini sebuah negara Islam atau tidak. Saya sendiri tidak nampak apa sebenarnya definisi sebuah negara Islam yang sebenarnya. Tunjukkan kepada saya sebuah negara Islam atau umat Islam sendiri yang benar-benar mengikuti atau mematuhi undang-undang Islam seperti hudud. Jika benar mereka mematuhi undang-undang itu, mereka tidak boleh menentang pemerintah. Dan itu adalah sistem hudud dalam Islam.

Tetapi di sini, tidakkah pemimpin di sini dipilih (melalui sistem demokrasi)? Jika mereka dipilih untuk menjadi pemimpin, kita kena mengikut mereka, bukannya menentang pemimpin berkenaan. Seorang sahabat Rasulullah pernah berkata, apabila Saidina Abu Bakar menjadi khalifah, kita tidak boleh menentang beliau. Kita boleh menasihati beliau, ya. Jadi, mereka memberikannya nasihat tetapi dia adalah orang yang membuat keputusan muktamad. Pengikutnya tidak boleh berkata tidak, itu salah, selepas dia membuat keputusan ia adalah muktamad.

Dan ini adalah negara Islam, anda mempunyai pemimpin yang dipilih sendiri oleh rakyat, jadi semua orang mesti mengikut nasihatnya. Andaboleh menasihatnya, tetapi sama ada dia menerima nasihat anda atau tidak, itu terserah kepadanya. Dia mungkin melihat lebih jauh daripada apa yang dapat dilihat oleh orang di bawahnya. Anda mesti berkompromi kerana dia adalah pemimpin anda.

Apa pendapat Tuan Sheikh mengenai mereka yang mengamalkan Islam melampau atau menjadi pengganas?

Saya akan memberitahu mereka supaya berubah, kerana tidak ada apa akan dicapai melalui keganasan. Ia hanya mencipta kekeliruan.

(END)